



**UTAMA**

# Pelajar UniMAP Sebagai 'Duta Kecil' Di Indonesia Sempena Kunjungan Budaya UniMAP 2011 Ke Bandung, Indonesia

Oleh: Pn. Mashitoh Abu

Pelajar dan Staf Universiti Malaysia Perlis mengorak langkah meninjau bidang seni dan kebudayaan di Kota Bandung, Indonesia pada 23 hingga 27 Julai 2011. Seramai 27 orang pelajar dan 17 orang staf telah menyertai rombongan ke destinasi tersebut.

UniMAP amat bertuah kerana Raja Muda Perlis DYTM Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail juga berada di Bandung untuk lawatan kerja selama 4 hari.

Kunjungan ini juga memberi peluang kepada pelajar-pelajar UniMAP untuk mengadakan persembahan di beberapa majlis rasmi Raja Muda Perlis DYTM Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail sekaligus memperkenalkan kebudayaan Negeri Perlis dan kebudayaan Malaysia amnya. DYTM Raja Muda Perlis telah mengadakan Perlis Food Launch di Hotel Grand Preanger dan pelajar-pelajar UniMAP telah mempamerkan Tarian Perlis iaitu Tarian Canggung.

Selain daripada itu, delegasi UniMAP juga mengadakan persembahan di beberapa majlis rasmi DYTM Raja Muda Perlis di antaranya Majlis Santapan Tengah Hari DYTM Raja Muda Perlis bersama pelajar-pelajar Malaysia yang belajar di beberapa universiti di Bandung bertempat di Hotel Hilton, Bandung Indonesia, Majlis Makan Malam bersama Gavernor Jawa Barat di Kediaman Rasmi Gavernor, Bandung, serta para pelajar UniMAP dijemput untuk mengadakan persembahan sempena Islamic Fashion Festival yang diadakan di Hotel Panghegar. Kehadiran pelbagai lapisan masyarakat setempat dan antarabangsa ke Islamic Fashion Festival mengagumi kebudayaan Malaysia yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat.

Exco Kebudayaan, Kesenian dan Perpaduan Majlis Perwakilan Pelajar Sidang Akademik 2010/2011 Saudara Engku Muhammad Afnan Bin Engku Azman yang turut menyertai rombongan pelajar kebudayaan ini juga sempat berkongsi maklumat UniMAP dan aktiviti-aktiviti Kumpulan kebudayaan UniMAP bersama-sama perwakilan Pelajar Malaysia di Bandung. Selain daripada itu, Kumpulan Budaya UniMAP juga berpeluang melawat kawasan gunung berapi di Tangkuban Perahu dan juga membeli-belah di Kota Bandung yang terkenal dengan syurga pakaian berjenama dan murah.

Akhir kata kunjungan budaya kali ini telah dapat menerapkan semangat kekitaan dan setiaikan seperti kata pepatah 'ke gunung sama di daki, ke lurah sama dituruni', seterusnya mengukuhkan semangat kerjasama yang padu seperti 'aur dan tebing' diantara Malaysia dan Indonesia.